



## KENYATAAN MEDIA

### STATISTIK KAPASITI PENGGUNAAN INDUSTRI PEMBUATAN SUKU PERTAMA 2024

#### **Kapasiti penggunaan industri Pembuatan mencapai 80.8 peratus pada suku pertama 2024**

**PUTRAJAYA, 21 Mei 2024** - Kapasiti penggunaan industri Pembuatan mencapai 80.8 peratus pada suku pertama 2024. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Statistik Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan, Malaysia, Suku Pertama 2024** pada hari ini.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Industri Pembuatan beroperasi dengan kapasiti 80.8 peratus pada suku pertama 2024, meningkat sebanyak 1.0 mata peratus berbanding kadar kapasiti 79.8 peratus yang direkodkan pada setahun lalu. Kadar kapasiti yang lebih tinggi ini juga mendorong peningkatan 2.1 peratus tahun ke tahun dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian bagi industri Pembuatan pada suku berkenaan. Hampir semua subsektor merekodkan peningkatan kapasiti penggunaan, khususnya dalam subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka; dan Produk kayu, perabot, produk kertas & percetakan, yang meningkat masing-masing sebanyak 4.4 mata peratus kepada 83.3 peratus dan 79.6 peratus. Perbandingan suku tahun ke suku tahun, kapasiti peggunaan industri Pembuatan menaik sebanyak 0.9 mata peratus daripada kadar 79.9 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya."

Peningkatan kadar kapasiti penggunaan pada suku pertama 2024 adalah disumbangkan oleh prestasi bagi Januari (80.9%) dan Mac (81.6%), dengan kedua-dua bulan melepassi 80 peratus. Sementara itu, kadar kapasiti penggunaan pada Februari 2024 berada pada 79.8 peratus. Tambahan lagi, faktor-faktor seperti permintaan yang rendah; bekalan bahan yang tidak mencukupi; dan pembaukan & penyelenggaraan jentera & peralatan kekal sebagai penyebab utama kepada kapasiti di bawah penggunaan dalam industri Pembuatan.

Mengulas lanjut, Ketua Perangkawan menyatakan, "Pada suku pertama 2024, empat subsektor beroperasi pada kadar kapasiti penggunaan melebihi 80.0 peratus. Terutamanya, subsektor Pembuatan kelengkapan kenderaan & pembuatan lain yang merekodkan kadar kapasiti penggunaan tertinggi pada 85.0 peratus, iaitu peningkatan

1.0 mata peratus tahun ke tahun. Ini diikuti oleh subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka, dengan kadar 83.3 peratus, menaik 4.4 mata peratus. Sebaliknya, kadar terendah iaitu 78.4 peratus telah direkodkan oleh subsektor iaitu Pembuatan makanan, minuman & tembakau; dan Pembuatan produk elektrik & elektronik.”

Kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport menunjukkan kenaikan pada suku ini, iaitu meningkat 0.1 mata peratus tahun ke tahun kepada 79.4 peratus. Hampir kesemua industri dalam segmen ini mencatatkan peningkatan kadar penggunaan dengan Pembuatan perabot mengalami lonjakan yang ketara sebanyak 7.7 mata peratus, mencapai 88.0 peratus. Namun begitu, empat industri mencatatkan penurunan kapasiti penggunaan, sekaligus mengurangkan peningkatan dalam segmen ini, iaitu Pembuatan kimia & produk kimia (-1.3 mata peratus; 78.7%); Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-1.1 mata peratus; 77.3%); Pembuatan kelengkapan elektrik (-0.5 mata peratus; 80.5%); dan Pembuatan produk plastik (-0.3 mata peratus; 80.1%). Berbanding dengan suku sebelumnya, kadar kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport meningkat 0.9 mata peratus berbanding 78.5 peratus.

Selain itu, industri berorientasikan domestik mencatatkan kadar kapasiti penggunaan 83.7 peratus pada suku pertama 2024, berkembang 2.8 mata peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Pembuatan produk galian bukan logam lain dengan 8.5 mata peratus, mencapai 85.9 peratus. Namun begitu, hanya Pembuatan produk prosesan makanan merekodkan penurunan untuk mencatatkan kadar 83.1 peratus. Berbanding suku keempat 2023, industri berorientasikan domestik meningkat 0.8 mata peratus daripada 82.9 peratus.


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas lanjut, “Empat negeri mempamerkan kadar kapasiti penggunaan melepas paras kadar nasional pada suku pertama 2024, iaitu WP Labuan (95.9%), Negeri Sembilan (84.9%), Selangor (83.1%) dan Johor (81.0%). Hampir kesemua negeri mencatatkan peningkatan tahun ke tahun bagi kadar kapasiti penggunaan kecuali bagi lima negeri iaitu Kedah, Kelantan, Melaka, Sarawak dan WP Kuala Lumpur (termasuk WP Putrajaya). Sementara itu, Kelantan merekodkan kadar kapasiti penggunaan terendah pada 69.7 peratus, dipengaruhi terutamanya oleh industri Pembuatan produk makanan.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan.” DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


### **Carta 1: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan – Tahunan, Suku Tahunan dan Bulanan**



### **Carta 2: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan mengikut Subsektor, ST1 2024 berbanding ST1 2023 dan ST4 2023**




### Carta 3: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan mengikut Negeri, ST1 2024



Nota: \* termasuk WP Putrajaya

**Carta 4: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan bagi Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, ST1 2021 – ST1 2024**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
21 MEI 2024**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## **MEDIA STATEMENT**

### **MANUFACTURING INDUSTRY CAPACITY UTILISATION STATISTICS FIRST QUARTER 2024**

---

***The capacity utilisation of the Manufacturing industry reached 80.8 per cent in the first quarter of 2024***

**PUTRAJAYA, 21 May 2024** – The capacity utilisation of the Manufacturing industry reached 80.8 percent in the first quarter of 2024. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of **Manufacturing Industry Capacity Utilisation Statistics, Malaysia, First Quarter 2024**.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, “The Manufacturing industry operated at 80.8 per cent of capacity in the first quarter of 2024, an improvement of 1.0 percentage points from the 79.8 per cent capacity rate recorded a year ago. This higher capacity rate resulted in a 2.1 per cent year-on-year increase in the Industrial Production Index for the Manufacturing industry during the quarter. Almost all sub-sectors posted an increase in capacity utilisation, particularly in the Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products; and Wood products, furniture, paper products & printing sub-sectors, which increased by 4.4 percentage points to 83.3 per cent and 79.6 per cent, respectively. On a quarter-on-quarter comparison, the capacity utilisation of the Manufacturing industry expanded by 0.9 percentage points from the rate of 79.9 per cent registered in the previous quarter.”

The increased capacity utilisation rate in the first quarter of 2024 was attributable to the performance in January (80.9%) and March (81.6%), with both exceeding 80 per cent. Meanwhile, the capacity utilisation rate for February 2024 stood at 79.8 per cent. In addition, factors such as low demand; insufficient supply of materials; and the repair & maintenance of machinery & equipment remained the cause of under-utilisation of capacity in the Manufacturing industry.

Elaborating further, the Chief Statistician stated, “In the first quarter of 2024, four sub-sectors operated at a capacity utilisation rate above 80.0 per cent. Notably, the sub-sector of Manufacture of transport equipment & other manufactures recorded the highest rate at 85.0 per cent, an increase of 1.0 percentage points year-on-year. This was followed by the Non-metallic mineral products, basic metals & fabricated metal products sub-sector, with a rate of 83.3 per cent, up by 4.4 percentage points. Conversely, the lowest rate of 78.4 per cent was recorded by the Manufacture of food,

*beverages & tobacco products; and the Manufacture of electrical & electronic products sub-sectors.”*

*The capacity utilisation in the export-oriented industries turned upward during this quarter, rising by 0.1 percentage points year-on-year to 79.4 per cent. Most of the industries in this segment registered higher utilisation rates, with the Manufacture of furniture experiencing a substantial increase of 7.7 percentage points, reaching 88.0 per cent. Nonetheless, four industries recorded a decrease in capacity utilisation, thus weighing down the increases in this segment, namely Manufacture of chemicals & chemical products (-1.3 percentage points; 78.7%); Manufacture of computer, electronics & optical products (-1.1 percentage points; 77.3%); Manufacture of electrical equipment (-0.5 percentage points; 80.5%); and Manufacture of plastics products (-0.3 percentage points; 80.1%). In comparison with the previous quarter, the capacity utilisation rate in the export-oriented industries went up by 0.9 percentage points from 78.5 per cent.*

*In addition, the domestic-oriented industries registered a capacity utilisation rate of 83.7 per cent in the first quarter of 2024, expanding by 2.8 percentage points as compared to the same quarter of the preceding year. The highest increment was registered by the Manufacture of other non-metallic mineral products with 8.5 percentage points, achieving 85.9 per cent. Nevertheless, only the Manufacture of food processing products recorded a decline to register a rate of 83.1 per cent. As compared to the fourth quarter of 2023, domestic-oriented industries were up by 0.8 percentage points from 82.9 per cent.*


*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin commented further, “Four states demonstrated capacity utilisation rates surpassing the national rate in the first quarter of 2024, namely WP Labuan (95.9%), Negeri Sembilan (84.9%), Selangor (83.1%) and Johor (81.0%). Nearly all states registered a year-on-year increase in capacity utilisation rate, except for five states namely Kedah, Kelantan, Melaka, Sarawak and WP Kuala Lumpur (including WP Putrajaya). Furthermore, Kelantan recorded the lowest capacity utilisation rate at 69.7 per cent, mainly influenced by the Manufacture of food products industry.”*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.*


**Chart 1: Manufacturing Industry Capacity Utilisation - Quarterly and Monthly**



**Chart 2: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by Sub-sector, Q1 2024 as against Q1 2023 and Q4 2023**




**Chart 3: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by State, Q1 2024**



Note: \* includes WP Putrajaya

**Chart 4: Manufacturing Industry Capacity Utilisation of the Export and Domestic-oriented Industries, Q1 2021 – Q1 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
21 MAY 2024**